



PIAGAM PELANGGAN

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, KUALA LUMPUR

P. 03 2618 9810 | F. 03 2618 9843 | W. www.jkr.gov.my | E. komunikasi.jkr@1govuc.gov.my

Cawangan Kejuruteraan Elektrik adalah komited untuk menyedia dan menyenggara aset kerajaan dalam memberi khidmat kepakaran Kejuruteraan Elektrik kepada organisasi JKR dan agensi pelanggan berteraskan kepada:

1. Jangka masa yang ditetapkan
2. Kos yang ekonomik
3. Rekabentuk yang berkualiti dan mampan

Cawangan ini akan sentiasa memastikan perkhidmatan elektrik bagi aset kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada kami berfungsi seperti yang ditetapkan.

1.0 PENGURUSAN PROJEK



- Memastikan pelantikan kontraktor elektrik dibuat pada peringkat **dua puluh peratus (20%)** kemajuan fizikal kontraktor utama bagi projek bangunan.
- Memastikan pelantikan kontraktor elektrik dibuat pada peringkat **lima puluh peratus (50%)** kemajuan fizikal kontraktor utama bagi projek jalan.
- Memastikan projek pemasangan elektrik bagi bangunan piawai menggunakan lukisan *Pre-Approved Plan* (PAP) tanpa pindaan ditender dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas SST kontraktor utama dikeluarkan.
- Memastikan kos kontrak elektrik tidak melebihi anggaran kos awalan yang diluluskan.
- Memastikan kepuasan pelanggan mencapai tahap **tujuh puluh peratus (70%)** ditahap baik berdasarkan borang soal selidik kajian kepuasan pelanggan yang diterima.

2.0 PENGURUSAN FASILITI ASET



- Memberi akuan penerimaan aduan kerosakan elektrik dan membuat penyiasatan kerosakan elektrik dalam tempoh **satu (1) hari**.
- Mengambil tindakan pembaikan ke atas kerosakan elektrik dengan menggunakan tenaga jabatan dalam tempoh **tujuh (7) hari**.

3.0 KHIDMAT PERUNDINGAN PAKAR




- Memberi maklumbalas terhadap permohonan khidmat perundingan pakar dalam tempoh **sepuluh (10) hari** bekerja dari tarikh permohonan diterima.
- Mengemukakan ulasan/ pengesahan teknikal khidmat perundingan pakar dalam tempoh **tujuh (7) hari** bekerja dari tarikh pelaksanaan.
- Mengemukakan dokumen teknikal khidmat perundingan pakar dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh maklumat lengkap diperolehi.

4.0 PENGURUSAN KAWALAN BAHAN



- Mengeluarkan keputusan permohonan baru daripada pembekal atau pengilang tidak melebihi **lapan (8) minggu** dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima.
- Mengeluarkan keputusan ke atas permohonan pembaharuan daripada pembekal atau pengilang tidak melebihi **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima.

5.0 PENGURUSAN ADUAN



- Memberi akuan penerimaan aduan dalam tempoh **satu (1) hari**.
- Memberi maklumbalas terhadap aduan dalam tempoh **tujuh (7) hari**.